

UMPAMA DI ALAM LAIN

Wanita seronok buat kajian hidupan akuatik melalui aktiviti selam skuba

HM 10/1/2025 Pg 33 and 34

FOKUS

Oleh Muhamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Minat mendalam terhadap haiwan dan alam semula jadi sudah tercetus sejak kecil sehingga mendorong wanita ini melanjutkan pengajiannya dalam bidang sains marin di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ketika menuntut di universiti, Nurul Aini Abdul Jalil, 33, dide dahakan

dengan aktiviti selam skuba untuk melakukan kajian terhadap hidupan akuatik.

Nurul Aini berpeluang menikmati pelbagai keindahan alam semula jadi yang unik dan berwarna-warni di dalam laut dengan lebih dekat sehingga dia jatuh cinta dengan aktiviti itu.

Malah selepas mendirikan rumah tangga, suaminya, Abdul Qaiyum Asuri turut 'teracun' untuk melakukan aktiviti selam

skuba di dalam mahupun luar negara.

Nurul Aini mengakui, dia seorang yang aktif dan suka melakukan pelbagai aktiviti rekreasi

Katanya, sejak terbabit dengan aktiviti itu, dia sudah membuat lebih 60 selaman di beberapa lokasi di dalam dan luar negara seperti Pulau Tioman, Pulau Perhentian, Pulau Sipadan, Aceh, Pulau Weh, Maldives, Bali dan sebagainya.

> 34

LOKASI SAMA PENGALAMAN BERBEZA



Di Sipadan, kami menemui pelbagai spesies marin yang menakjubkan seperti ikan jerung, jerung kapak, bumphead fish, jackfish dan sebagainya. Pengalaman menyaksikan segerombolan ikan jerung pada kedalaman hampir 40 meter tak akan saya lupakan sampai bila-bila

NURUL AINI

DARI MUKA 33

"Semua lokasi ini sangat menarik kerana setiap kali turun ke laut kita akan merasai pengalaman yang berlainan walaupun sudah menyelam berulang kali di lokasi sama.

"Pelbagai pemandangan menarik di bawah sana seolah-olah kita sedang berada di alam lain sehingga saya jatuh cinta dengan aktiviti ini," katanya.

Menurutnya, lokasi yang paling tidak dapat dilupakan ketika menyelam adalah di Sipadan, Sabah dan Maldives.

"Di Sipadan, kami menemui pelbagai spesies marin yang menakjubkan seperti ikan jerung, jerung kapak, bumphead fish, jackfish dan sebagainya. Pengalaman menyaksikan segerombolan ikan jerung pada kedalaman hampir 40 meter tak akan saya lupakan sampai bila-bila.

"Di Maldives, kami menyaksikan jerung paus sepanjang lebih lima meter pada kedalaman hanya 13 meter. Itu adalah spesies paling besar yang saya pernah lihat selain mania ray di Maldives dan Bali.

"Bagi saya, selama paling mencabar bagi saya adalah di Pulau Weh yang terkenal dengan arus kuat. Kami terpaksa merangkak seperti 'spiderman' untuk melawan arus," katanya.

Katanya, kepuasan dan keseronokan yang diperoleh dengan aktiviti skuba apabila dapat menyaksikan keindahan alam ciptaan Tuhan dari dekat.

"Pemandangan ini sangat menakjubkan dan menyedarkan saya betapa kerdil kita sebagai manusia. Pelbagai keindahan spesies yang tidak pernah dibayangkan ditemui.

"Saya juga berpeluang menemui insan hebat dan persekitaran yang positif dalam kalangan penyelam dari pelbagai negara," katanya.

Sebagai wanita, Nurul Aini berkata, antara halangan terbesar yang dihadapi apabila melakukan aktiviti ini adalah sifat takut dalam diri.

"Ada juga kawan-kawan wanita saya yang takut mencuba aktiviti ini kerana tidak tahu berenang. Sebenarnya ramai masih salah faham, selam skuba tidak memerlukan kemahiran berenang yang hebat.

"Ia memadai hanya dengan mempelajari mengenai peralatan, keselamatan dan tidak mudah panik. Perkara ini akan diajar dan dilatih jurulatih skuba," katanya.

Selain itu untuk terbabit dengan aktiviti selam skuba ini, wanita perlu tanamkan dalam diri perasaan berani, positif dan berjiwa 'terbuka.'

"Terbuka bermaksud

berani mencuba perkara baru dan menerima apa yang diajarkan kepada kita.

"Sepanjang melakukan aktiviti ini, kita akan menemui pelbagai manusia. Berkawanlah dengan baik dan tahu akan batas sebagai manusia dan Muslim" katanya.

Tambahnya, semua wanita dinasihatkan tidak menjadikan status sebagai penghalang untuk menceburti aktiviti ini.

"Sebagai wanita, tak kisah status kita sebagai isteri, ibu, belum berkahwin atau ibu tunggal sekali pun, jangan berhenti untuk meneroka dan menimba ilmu.

"Terus meneroka dan menghargai alam sekeliling kita. Setiap perkara baru adalah nikmat yang kita perlu syukuri. Laut adalah sebahagian daripada kita" katanya.

Ditanya perancangan masa hadapan, Nurul Aini ingin terus melakukan aktiviti selam skuba dengan meningkatkan ilmu dalam bidang ini.


"Dalam tempoh lima tahun akan datang, kami merancang ingin menuju ke pusat selam skuba sendiri. Jika diberikan peluang saya ingin melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) untuk membuat kajian kaitan aktiviti selam skuba dalam bidang sains," katanya.

AKTIVITI selam skuba memberi kepuasan kepada Nurul Aini.

Lalui pengalaman berlainan setiap kali turun ke laut walaupun menyelam berulang kali di lokasi serupa



NURUL Aini bersama beberapa penyelam wanita yang turut mempunyai minat dengan aktiviti selam skuba.



ANTARA hidupan akutik yang unik dan menarik yang ditemui ketika menyelam.



MENYELAM di Maldives antara pengalaman paling menarik.